



"Pengalaman saya sebagai Imam Masjid Negara, banyak ibu bapa yang meminta saya memberikan nasihat kepada anak mereka."

"Ibu Bapa Harus Dihukum Sama"

-Dato' Pirdaus Haji Ismail

JENYAH juvenil, masalah disiplin, keruntuhan akhlak, kurangnya pengetahuan agama, dan segala macam masalah sosial yang berlaku di negara ini kebanyakannya dilakukan oleh remaja Melayu. Hal ini amat mendukacitakan kerana sepatutnya remaja Melayu memperlihatkan sahsiah unggul bersandarkan tuntutan Islam.

Menurut, Dato' Pirdaus Haji Ismail, Pegawai Khas kepada Menteri Pelajaran dan juga bekas Imam Dua Masjid Negara, segala macam jenayah yang dilakukan sama ada oleh remaja atau dewasa berkait-kait dalam lingkungan jenayah yang lain. Contohnya, kegiatan penagihan dadah menyebabkan penagihnya melakukan jenayah lain seperti merompak, menyamun, dan ragut untuk mendapatkan wang bagi membeli dadah.

Mengulas tentang statistik keterlibatan remaja Melayu dalam jenayah juvenil yang semakin meningkat setiap tahun, beliau berkata, "Kita harus melihat terlebih dahulu nilai remaja Melayu berbanding dengan remaja bangsa lain. Bagi bangsa lain, kegiatan seperti perjudian, meminum arak, bersekedudukan, khalwat, dan sebagainya bukan sesuatu yang mendatangkan masalah kepada bangsa mereka, malahan mereka menerima perilaku itu sebagai sebahagian dalam budaya mereka. Oleh sebab itu dalam masalah salah laku tertentu, perbandingan yang dibuat perlu adil. Seharusnya perbandingan yang dibuat terbahagi kepada dua iaitu jenayah sivil yang melibatkan semua bangsa dan jenayah atau perilaku lain yang hanya dikaitkan dengan remaja Melayu."

Dato' Pirdaus juga melihat pengaruh budaya luar banyak mendorong remaja melakukan jenayah juvenil. Misalnya pemaparan aksi "kejantanan" dan ekstrem di televisyen akan menyebabkan remaja menjadi ganas. Sesetengah pesalah juvenil bukannya mahu terlibat, tetapi terpengaruh dengan apa-apa yang mereka tonton atau baca di media.

"Pengalaman saya sebagai Imam Masjid Negara, banyak ibu bapa yang meminta saya memberikan nasihat kepada anak mereka. Anak-anak ini pula bukannya berasal daripada latar belakang keluarga yang porak-peranda, mereka terpengaruh dengan aksi ekstrem," ujar Dato' Pirdaus.

"Saya pernah memberi komentar terhadap rancangan televisyen seperti *Fear Factor* yang tidak sesuai untuk tontonan. Aksi yang dipaparkan pula aksi lasak yang terlalu ekstrem termasuklah memaparkan aksi memakan benda najis. Bagi penonton dewasa, rancangan seperti ini tidak memberikan kesan, ditakuti akan ditiru oleh anak mereka. Rancangan seperti *Fear Factor* yang mengukur keberanian seseorang peserta sehingga sanggup melakukan apa-apa sahaja waima memakan najis sebenarnya di luar batasan kemanusiaan dan batasan undang-undang moral."

Dato' Pirdaus juga mengambil con-

toh kegiatan lumba motosikal haram atau popular dengan istilah "Mat Rempit". Mereka yang terlibat ada kalanya bukan yang terlibat dengan masalah jenayah, mereka melakukan aksi berbahaya di jalan raya kerana terpengaruh dan ingin menunjukkan kehebatan kepada rakan. Mereka akan dipuji dan disanjung kerana begitu berani melakukannya."

Ada sesetengah ibu bapa hanya memfokuskan pencapaian akademik semata-mata, tetapi persoalan akhlak, nilai, dan agama tidak termasuk dalam orientasi pendidikan.

Selain itu, beliau turut menyentuh orientasi pendidikan yang diserapkan kepada anak-anak oleh ibu bapa. "Adakah ibu bapa hanya mahu menjadikan anaknya itu cemerlang dalam akademik semata-mata atau turut sama menjadikan anak itu sebagai manusia yang berakhlak? Walaupun Kementerian Pelajaran bertanggungjawab menentukan hala tuju pelajar, orientasi pendidikan ini bermula daripada ibu bapa. Ada sesetengah ibu bapa hanya memfokuskan pencapaian akademik semata-mata, tetapi persoalan akhlak, nilai, dan agama tidak termasuk dalam orientasi pendidikan. Lalu anak tersebut hanya cemerlang dalam akademik seterusnya mempunyai karier, tetapi tidak mengambil tahu hal ehwal masyarakat. Kadang kala mereka melakukan jenayah kolar putih, situasi seperti ini menunjukkan bahawa orientasi pendidikannya tidak seimbang."

Beliau juga mengulas tentang pentingnya institusi kekeluargaan harus diperkuatkan walaupun ibu bapa sibuk mencari rezeki. Kesibukan tugas bukan menjadi alasan kepada ibu bapa untuk mengabaikan perhatian kepada anak-anak.

"Saya tertarik dengan cadangan pihak tertentu agar ibu bapa kepada pesalah juvenil turut sama diberikan pengajaran. Bukan pesalah juvenil sahaja yang dihukum, ibu bapa harus dihukum sama. Selagi anak itu di bawah

umur, maka anak tersebut masih di bawah tanggungjawab ibu bapa. Hal ini wajar dilakukan agar ibu bapa lebih takut dan bertanggungjawab dengan setiap aktiviti yang dilakukan oleh anak mereka. Kebanyakan remaja yang terjebak dengan jenayah juve-

nil ini berpunca daripada pengabaian ibu bapa."

Selain itu, Dato' Pirdaus turut menyifatkan program seperti Program latihan Khidmat Negara (PLKN) sebagai program yang sangat berjaya. Program ini berjaya menghasilkan remaja yang mempunyai semangat patriotik dan kemasyarakatan yang begitu tinggi nilainya.

Menyentuh bekas pesalah juvenil yang sukar untuk diterima oleh masyarakat umum, beliau meminta agar masyarakat kembali mengamalkan nilai dalam Islam. "Dalam Islam, kalau kita sudah bertaubat, maka tidak perlu bercerita kembali lagi latar belakang hidup kita, malah wajib menyimpan segala rahsia jika memudaratkan kehidupan. Perbuatan taubat merupakan perbuatan yang agung dan mulia, jika Allah mengiktiraf bekas pesalah, mengapakah pula manusia tidak mengiktiraf dan hanya menilai dari segi lahir?"

Beliau juga berpendapat bahawa ketiadaan program tersusun untuk bekas pesalah juvenil mengakibatkan mereka mudah kembali kepada perbuatan silam mereka. "Cuba beriklan kerja kepada mereka di luar daerah kelahirannya. Jika mereka bekerja di tempat asal, persepsi masyarakat tidak akan berubah kerana biasanya kebanyakan orang kenal akan bekas pesalah itu, tetapi jika pesalah itu keluar dan tiada siapa yang kenal, mereka boleh berjaya. Pengalaman saya, ada penagih yang sudah pulih berhijrah dan sekarang telah berjaya. Mereka boleh berjaya di tempat orang lain. Apabila sudah berjaya, baru mereka pulang ke tempat asal dan orang akan kata yang bekas pesalah ini telah berjaya menjadi manusia," ujar Dato' Pirdaus mengakhiri perbualan. ■

DATO' PIRDAUS, "Kebanyakan remaja yang terjebak dengan jenayah juvenil ini berpunca daripada pengabaian ibu bapa."

